

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 19 RABU 18 OGOS, 1965 1385 ربيع الاخير 28 PERCHUMA

Istiadat Peringatan Darjah Kehormatan Jasa Utama Di-Istana: D. Y. M. M. Berharap Ahli2 Darjah Dan Pingat Supaya Sentiasa Menabor Jasa Baik Ka-Arah Kebajikan Negara

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah mengharapkan ahli2 darjah dan pingat di-negeri ini supaya sentiasa mengekalkan pada menabor jasa baik mereka ka-arrah kebajikan dan kebaikan negeri ini.

Harapan baginda itu telah di-churahkan ketika baginda bertitah di-istiadat Peringatan Darjah Kehormatan Jasa Utama yang telah di-langsungkan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana pada 12 Ogos yang lalu.

Titah baginda, perkhidmatan yang telah di-berikan dengan niat suci dan jujur itu di-sertai dengan bakti2 yang nyata akan menjadi ingatan dan membalekkan laila kenangan kepada seluruh lapisan ra'ayat.

Pada masa ini, titah baginda, Kerajaan telah mengusahakan berjenis2 ranchangan pada menambah kemajuan dan kemakmoran di-mana tenaga dan perkhidmatan bekerjasama dari seluruh lapisan ra'ayat ada-lah mustahak demi untuk mencapai matalamat yang di-idamkan.

Mengenai jasa2 yang telah di-hulurkan dengan jujur oleh ahli2 darjah dan pingat itu, baginda dan Kerajaan baginda ada-lah menghargai-nya dan menguchapkan terima kasih sambil menyatakannya bahawa jasa bakti itu akan di-kenang buat sa-lama2-nya.

JASA BAKTI

Jasa bakti yang telah di-hulurkan itu, titah baginda, ada-lah sa-mata2 pada melaksanakan tanggung jawab demi keamanan, ketenteraman dan keselamatan laila subor negeri yang kita kasahi Brunei Darulsalam ini.

Istiadat Peringatan Darjah2 Kehormatan Jasa Utama itu pada pertama kali-nya telah di-adakan tahun lepas dan tahun ini ada-lah kali ke-dua samanjak Bintang2 Kebesaran bagi Negeri Brunei di-

tubuhkan dalam tahun 1954.

Mengenai tujuan utama mengadakan istiadat itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bertitah bahawa majlis sa-umpama itu ada-lah sa-bagai memberi peluang bagi ahli2 darjah dan pingat untuk kenal mengenali di-antara satu dengan yang lain.

Dengan itu, titah baginda lagi, akan mengukuhkan hasrat dan chita2 serta tujuan yang murni itu akan di-eratkan di-samping berjalan dengan baik dan sampurna hasil-nya yang terbit dari bekerjasama.

Antara yang hadir di-majlis itu ia-lah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Istiadat itu telah di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri kelihatan semasa Baginda2 berchemar Duli ka-Istiadat Peringatan Darjah Kehormatan Jasa Utama di-Istana Darul Hana pada 12 Ogos, 1965. Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanul Bolkihah kelihatan berjalan di-belakang Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

PERKAHWINAN DI-RAJA ANTARA PUTERI D.Y.M.M. DAN PUTERA D.P.B. — 19 SEPTEMBER 1965

BANDAR BRUNEI — Per-siapan2 sedang di-ator bagi menyambut hari perkahwinan di-raja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman yang akan di-langsungkan pada 19 September, 1965.

Yang Teramat Mulia Pengiran

Anak Puteri Masna ia-lah puteri sulung kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri Anak Damit.

Usia puteri rupawan itu pada masa ini meningkat 17 tahun dan tarikh lahir-nya ia-lah pada 6 September, 1948.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman, bakal suami Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna ia-lah putera yang ke-6 kapada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Pengiran Anak Puteri Besar.

Pengiran Muda Abdul Rahman pada masa ini berumur 19 tahun dan tarikh lahir-nya ia-lah pada 16 Julai, 1946 ia-itu sa-hari tertua dari Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli

(Lihat muka 8)

Pengetua P. H. E. Ugama Merasmikan Pembukaan Masjid Kampong Kasat

KAMPONG KASAT. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin telah merasmikan pembukaan Masjid Kampong Kasat di-Daerah Brunei, pada pagi hari Juma'at yang lalu.

Masjid itu telah di-bena sa-chara bergotong royong oleh penduduk2 Kampong Kasat dengan perbelanjaan kira2 \$5,500.

Tanah tapak masjid itu, luasnya kira2 sa-tengah ekar telah di-wakafkan oleh Awang Haji Ibrahim bin Salam dan Awang Haji Belaman bin Abdullah.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin telah mengucapkan tahniah kepada penduduk2 kampong tersebut dan juga kepada para dermawan yang lain yang telah menderma wang ringgit mereka dan bekerjasama untuk melaksanakan pembenaan masjid itu.

Beliau telah menyeru kepada kanak2 di-Kampong Kasat itu supaya mereka rajin belajar di-Sekolah Ugama di-kampong itu.

Kapada orang2 dewasa di-kampong itu pula, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin telah menyeru kepada mereka supaya mereka belajar di-Sekolah Dewasa Ugama dengan sa-rajin2nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin telah berangkat ka-Kasat dengan menaiki sa-buah helikopter dari Lapangan Terbang Brunei, di-Berakas.

Beliau telah di-iringi oleh Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin dan Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin.

Ramai penduduk2 Kampong Kasat, dengan di-ketuai oleh Penghulu Kampong Kasat, Yang Mulia Pengarah Haji Untong bin Juddin telah menyambut rombongan tersebut ketika rombongan

itu tiba di-Padang Sekolah Melayu Kasat.

Sa-lepas berehat dan menyempurnakan jamuan ringan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin telah di-persilakan ka-Masjid Kampong Kasat, yang letak-nya tidak jauh dari Sekolah Melayu Kasat, untuk merasmikan pembukaan Masjid itu.

Ketika tiba di-pekarangan Masjid itu, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin telah mengambil ayer sembahyang dan seterusnya merasmikan pembukaan Masjid itu dengan berkata, "Bismillah Hirrahman Nirrahim" sambil menguntingkan peta di-muka pintu masuk ka-Masjid itu.

Sa-lepas itu telah di-adakan majlis memberi ucapan.

Majlis itu di-mulai dengan

uchapan oleh Setia Usaha pembinaan Masjid Kampong Kasat, Chegu Sharif bin Sulaiman.

Kemudian ucapan telah di-lafadzkan oleh Pengerusi Pembinaan Masjid Kampong Kasat, Chegu Othman bin Pengarah Haji Untong, Guru Besar, Sekolah Melayu Kasat.

UCHAPAN²

Selanjut-nya ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin; oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pe-

ngiran Muda Dato Paduka Kamaludin dan oleh Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin.

Majlis itu di-tamatkan dengan Bacaan Do'a Selamat oleh Chegu Sharif bin Sulaiman.

Sa-lepas menunaikan Sembahyang Juma'at dan menghadiri Majlis Jamuan Makan, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin dan rombongan pun balek ka-Lapangan Terbang Brunei dengan menaiki helikopter.

Sambutan Maulud Di-Kiarong

KIARONG. — Satu majlis sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. telah di-adakan di-Sekolah Melayu Kiarong pada hari Juma'at 13 Ogos, 1965.

Dato' Ratna Haji Mohammad Jaafar, Penghulu Kampong Kiarong telah memberikan ucapan sebelum merasmikan pembukaan majlis tersebut.

Antara lain kata beliau, pada hari sambutan yang mulia saperti ini-lah kita memperingati dengan hati yang gumbira dan memperingati sa-bagai sejarah kebesaran

Islam dan kita chontohi segala perjuangan Nabi dan menjadikan kenang2an majlis ini yang julong2 kali di-adakan di-kampong itu.

Majlis di-mulakan dengan bacaan Al-Qura'an oleh Dayang Sufiah binte Sabtu, naib johan bacaan Al-Qura'an bagi kanak2 perempuan Daerah Brunei dan Muara tahun 1965.

Dalam majlis tersebut telah juga di-adakan peraduan2 membaca Al-Qura'an bagi orang2 dewasa lelaki dan perempuan, kanak2 lelaki dan perempuan, dan sharahan bagi pemuda dan pemudi.

Persembahan bacaan Al-Qura'an lain-nya telah juga di-sampaikan oleh Awang Haji Besar bin Yahya dan Pengiran Muhidi bin Pengiran Besar di-samping menjadi hakim bagi peraduan membaca Al-Qura'an bersama2 dengan Ustadz Abd. Rahman, guru besar Ugama Sekolah Melayu Gadong dan Awang Tahir bin Japar, guru Ugama Sekolah Melayu Kiulap.

Hakim2 bahagian sharahan pula ia-lah Che'gu Mohd. Noor, Che'gu Juma'at bin Abas dan Awang Muslim.

Ramai para peserta telah mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut.

Turut memberikan ucapan dalam majlis itu ia-lah Ustadz Abd. Salam bin Abd. Razak, Setia Usaha Badan Penerangan Ugama Islam; Ustadz Ahmad Ramlee, Pemereksa Sekolah2 Ugama Dewasa; Ustadz Othman bin Haji Noor, guru Sekolah Ugama Kampong Kiarong, sementara Ustadz Hassan Zaki wakil daripada Badan Penerangan Ugama Islam telah bersharah khas mengenai maulud.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Ustadz Ahmad Ramlee dan majlis di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Ustadz Othman bin Haji Noor.—Berita Kiriman Muslim Burmat.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong

BANGAR. — Majlis Mashuarat Daerah Temburong telah mengadakan persidangan-nya yang ke-enam di-Kelab Temburong, Bangar, pada pagi 10 Ogos, 1965.

Majlis tersebut telah meluluskan dua usol dan menolak satu usol yang tidak mendapat sokongan.

Satu daripada usol yang di-luluskan ia-lah usol oleh Yang Mulia Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim bin Akim. Usol ini menasihatkan Pegawai Daerah supaya memohonkan Kerajaan mengadakan sa-buah kereta khas untuk Pejabat Polis di-Bangar bagi menjalankan tugas mereka dengan lichen.

Usol kedua yang di-luluskan ia-lah memohonkan Kerajaan meletakkan sa-buah peti surat di-tiap2 Mukim di-Daerah Temburong.

Usol tersebut oleh Yang Mulia Awang Badas bin Kamaruddin berbunyi: "Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang bersidang pada hari ini hendaklah mengambil keputusan untuk menasehatkan Pegawai Daerah supaya Kerajaan dapat meletakkan sa-buah Peti Surat di-Kampong Belaman ia-itu di-Sekolah Melayu Belingos supaya surat yang dikirim melalui peti itu akan diambil oleh pehak yang berkuasa ia-itu Pejabat Pos".

Usol ini telah di-pinda oleh Yang Mulia O. K. S. Haji Abdul Rahim bin Akim, dengan persetujuan yang mula membawa-nya, kepada "di-tiap2 Mukim di-Daerah Temburong".

So'alan2 bertulis oleh beberapa ahli juga menerima jawapan yang memuaskan.

Penubohan Mukim Council Kilanas

BUNUT. — Penubohan Mukim Council Kilanas akan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar bertempat di-Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut pada pagi hari Ahad 5 September, 1965.

Sungguh pun Pengerusi Mukim Council itu dan Setia Usaha-nya ia-lah dari Bunut serta juga penubohan Mukim Council itu akan di-adakan di-Bunut, menurut kata sa-orang Pegawai Kanan Mukim Council itu, sa-bagaimana yang di-siarkan dalam akhbar ini pada hari Rabu yang lalu, akan tetapi nama Mukim Council itu yang sa-benar-nya ia-lah Mukim Council Kilanas.

Malam Aneka Warna P. M. K. T.

KERIAM. — Satu temasha Malam Aneka Warna akan di-adakan di-Dewan Persatuan Melayu Keriam, Tutong pada 29 Ogos, 1965 mulai pada pukul 7-30 malam, di-bawah anjoran Persatuan Melayu Keriam, Tutong.

Temasha itu akan di-adakan sa-bagai menyambut temasha Perlumbaan Jalan Kaki anjoran persatuan tersebut yang akan di-langsungkan pada pagi 29 Ogos.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha Malam Aneka Warna itu, ia-lah persembahan tarian2, nyanyian2, lawak jenaka, permainan gambus, tablo serta Pertandingan2 Ratu Kebaya dan Pakaian Beragam.

Tablo yang akan di-persembahkan di-temasha tersebut, ia-itu hasil karya Sasterawan Junaidi Mohd. Safar, berjudul "Budaya

Lambang Bangsa". Ia juga akan bertugas sa-bagai Pengarah tablo itu.

Pertandingan Ratu Kebaya dan Pertandingan Pakaian Beragam ada-lah terbuka kepada penduduk2 di-Daerah Tutong sahaja yang berumur 15 tahun ka-atas.

Permohonan untuk mengambil bahagian dalam pertandingan2 tersebut ada-lah di-minta berhubung dengan Pengerusi Malam Aneka Warna P.M.K.T., Awang Junaidi Mohd. Safar d/a Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei tidak lewat dari hari Juma'at, 20 Ogos, 1965.

KEBERANGKATAN PENGANTIN DI-RAJA KA-DAERAH BELAIT, TUTONG DAN TEMBURONG MEMPEROLEHI SAMBUTAN YANG MERIAH DARI RA'AYAT JELATA

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri di-sepanjang minggu yang lalu telah mengadakan lawatan rasmi ka-daerah2 dalam negeri ini sa-telah melangsungkan perkahwinan kedua2 pengantin di-raja itu pada 29 Julai, 1965 lepas.

Daerah yang pertama di-kunjungi oleh kedua2 pengantin baharu di-raja itu ia-lah Daerah Belait dan lawatan itu telah dilakukan pada 10 Ogos, 1965.

Lawatan tersebut telah mendapat sambutan hangat dari seluruh lapisan ra'ayat di-daerah tersebut dengan achara2 yang telah di-susun dengan rapi-nya.

Pada pagi hari tersebut sa-baik2 saja keinderaan yang membawa kedua2 pengantin baru di-raja itu tiba di-kawasan Anduki, rombongan di-raja itu telah di-alu2kan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait Pengiran Othman dan Ketua Inspektor Polis Daerah Belait, Pengiran Haji Abas.

Di-Padang Besar Kuala Belait, rombongan di-raja itu telah disambut oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin kemudian Yang Teramat Bulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah menerima tabek kehormatan.

Pada sa-belah petang-nya pula, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah menghadiri jamuan teh oleh Gabungan Persatuan2 dan Kelab2 Daerah Belait bertempat di-Shell Recreation Club Seria.

Sementara itu, dalam masa yang sama, Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri telah menghadiri jamuan yang sama yang di-adakan oleh Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait di-K.B.R.C., Kuala Belait.

Kira2 sa-jam sa-telah itu, kedua2 pengantin baru di-raja itu telah di-raikan pula oleh penduduk2 Daerah Belait bertempat di-kawasan rumah Pegawai Daerah Belait dengan mengadakan pertunjukan2 permainan asli oleh penduduk2 di-sana dan persembahan chenderamata.

Pada ka-esokan hari-nya, 11 Ogos, 1965, kedua2 pengantin baru di-raja itu berangkat pula ka-Daerah Tutong untuk mengadakan lawatan yang serupa.

Di-Daerah itu pula, sambutan atas lawatan di-raja itu telah di-isikan dengan berbagai2 achara termasuk barisan kehormatan dan senaman ramai, di-samping jamuan santapan tengah hari yang di-sulami dengan persembahan kesenian dan kebudayaan oleh Belia2, Puak2 dan Kanak2 Sekolah di-daerah tersebut.

Penduduk2 di-daerah itu juga, telah mempersembahkan chenderamata yang berupa sa-biji gong yang di-isikan ka-dalam kotak kaca, sa-bagai ucapan keshukoran dan kenangan2 atas selamat-nya berlangsung perkahwinan pengantin baru di-raja itu.

Sementara itu, pada 14 Ogos, lawatan yang sama telah juga di-adakan oleh kedua2 pengantin baru di-raja itu ka-Daerah Temburong ia-itu sa-buah daerah dalam negeri ini yang hanya senang di-hubongi dengan melalui sungai dan udara.

Dari Bandar Brunei ka-Bangar ia-itu Pusat Daerah Temburong, rombongan di-raja itu telah berangkat dengan menggunakan pesawat helikopter dan ketibaan rombongan itu di-Padang Sekolah Melayu Sultan Hassan telah di-

alu2kan oleh Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan.

Di-Padang Pekan Bangar, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah menerima tabek kehormatan dari Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan pencharagam-nya.

Di-daerah ini juga, sambutan yang di-adakan ada-lah tidak kurang meriah-nya dari sambutan yang di-adakan di-daerah2 lain. Keramaian2 telah di-adakan yang di-isikan dengan bergendang dan pasar gembira.

Dalam siri lawatan di-raja ka-daerah itu, kedua2 pengantin baru di-raja tersebut telah sama2 menyaksikan pertunjukan tari2an ngajat, Samalindang dan Nashid dan juga pertunjukan "mengamping" di-mana Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah sama2 menumbok amping, sementara Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri turut menyaksikan-nya.

Sa-bagai ucapan keshukoran, penduduk2 daerah itu telah mempersembahkan sa-buah chenderamata yang berupa sa-batang tongkat untuk Yang Teramat Mulia dan sa-karangan bunga anggrek untuk Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri kelihatan dalam gambar ini semasa keberangkatan Pengantin Diraja itu ka-Kuala Belait pada hari Selasa 10 Ogos, 1965.

Guru2 Labuan Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Beberapa orang Guru2 dari Labuan telah melawat ka-Brunei pada hari Khamis yang lalu atas jemputan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Rombongan Guru2 itu telah tiba di-Brunei dengan kapal laut

pada petang hari tersebut dan balek ka-Labuan pada hari Isnin 16 Ogos.

Dalam masa lawatan tersebut, Guru2 itu telah melawat ka-beberapa tempat di-negeri ini, mengadakan pertandingan2 bola sepak dan bulu tangkis sa-cha-

persahabatan dengan Pasukan2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Mereka juga telah di-ra'ikan di-Majlis2 Jamuan Makan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Guru2 Bahagian Brunei I, Bahagian Brunei II, Bahagian Tutong dan Bahagian Belait.

Telor Dalam Telor

KUCHING. — Sa-biji telor yang panjang-nya 3½ inchi, telah di-jumpai di-kawasan sa-buah kilang di-Kuching baru2 ini.

Dalam telor itu pula di-dapati sa-biji lagi telor.

KEMUNGKINAN BRUNEI MENGELUARKAN GULA SENDIRI

ADA-LAH tidak dapat di-sangkal lagi bahawa negara kita sedang menuju ka-arrah kemajuan dengan rancangan2 perkembangan yang di-usahkan dengan pesat-nya.

Saperti negeri2 lain di-dunia ini, Brunei juga mempunyai chita2 yang besar nilai-nya demi kebahagiaan ra'ayat yang pada masa ini kian meningkat jumlah-nya.

Menurut banchi yang lalu, ramai penduduk2 negeri yang terdiri dari berbilang bangsa itu berjumlah 84,000 orang, tetapi masa ini ada kemungkinan telah meningkat ka-angka 100,000 orang.

Menilik kepada ramai penduduk yang kian bertambah sa-hari demi sa-hari itu, maka ada-lah sudah sa-mesti-nya, rancangan2 kemajuan baik dari segi pelajaran mau pun dari segi pembangunan, pertanian dan sumpama itu kian bertambah2 juga di-ujudkan.

Kita telah pun sama2 menyaksikan bahawa perkembangan negeri ini telah berjalan dengan chepat-nya dan di-sana sini kita dapat menyaksikan beberapa buah bangunan2 sedang di-bena dan kebanyakan bangunan2 itu merupakan pusat2 pendidekan untuk anak2 kita yang satu ketika nanti akan menjadi ra'ayat yang bertanggung jawab bagi kegemilangan negeri Brunei pada masa hadapan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Kerajaan baginda memang menyedari, malah berpendapat bahawa ada-lah perlu rancangan2 kemajuan negeri ini di-ujudkan satu persatu sesuai dengan keadaan negeri di-waktu ini dan ra'ayat-nya.

Ranchana ini tidak-lah bertujuan hendak membicarakan satu persatu mengenai rancangan2 kemajuan yang tersebut, tetapi apa yang menarek perhatian kita ia-lah soal pertanian dan kemajuan-nya di-negeri Brunei.

Kerajaan dengan melalui Jabatan Pertanian Negara ada-lah sentiasa berikhtiar dengan tidak jemu2 bagi mempertingkatkan taraf pertanian di-negeri ini.

Apa yang sa-benar-nya di-lakukan oleh Jabatan Pertanian pada masa ini ada-lah hanya merupakan berbagai2 perhubungan mengenai beneh2 tanaman dari luar negeri untuk melihat sama ada beneh2 tanaman itu sesuai bagi bumi atau tanah di-negeri ini.

Sa-memang-nya-lah bahawa setiap usaha atau pekerjaan itu hendak-lah di-chuba terlebih dahulu dan kemudian-nya baharu-lah senang hendak menimbang—terima sama ada usaha2 dan pekerjaan2 yang kita lakukan itu sesuai untuk diri kita atau tidak. Biar-lah kita berugi2 dahulu dan kemudian kita akan mendapat keuntungan dan dari kanak2

baru-lah kita boleh menjadi dewasa, atau dari sekolah rendah baharu-lah membolehkan kita untuk meningkat ka-sekolah2 tinggi dan sa-terus-nya ka-perengkat Universiti.

Mengenai usaha2 Jabatan Pertanian ini, kita tidak-lah membicarakan keseluruhannya, tetapi hanya mengenai soal perhubungan untuk membuat gula daripada tebu, satu2-nya bahan ma-

Jenis tebu yang di-tanam di-pusat itu bukan-lah sa-barang jenis, tetapi jenis tebu tersebut ada-lah di-datangkan dari luar negeri ia-itu dari Indonesia.

Jabatan Pertanian Negara ada-lah mengambil berat tentang perhubungan saperti ini, yang sa-mata2 bertujuan untuk menjadi contoh tauladan kepada orang2 kampung dan untuk kemajuan dan perkembangan negeri.

Awang Hamidoon menegaskan bahawa tanaman tebu ada-lah satu perkara yang mustahak yang sudah sa-mesti-nya di-usahkan oleh petani2 di-negeri ini, kerana daripada tebu, gula boleh di-dapati untuk makanan sa-hari2.

Di-waktu Pemerintah Jepun, kata-nya, orang2 kita Melayu sudah pun boleh membuat gula daripada tebu itu, tetapi waktu itu galakan daripada pemerintah sukar di-dapati dan lebeh2 lagi orang2 kita di-waktu itu ada-lah sentiasa dalam ketakutan.

Tetapi masa ini kita telah pun

sa-daya upaya untuk menggalakkan ra'ayat negeri ini supaya membuka ladang2 tebu dan menasehalkan kepada semua petani supaya lebeh banyak bertanam tebu.

Kita telah pun mengetahui akan faedah mengusahakan tanaman tersebut dan ada-lah tidak mustahil bahawa satu ketika nanti negeri kita ini tidak payah membeli gula dari luar negeri, asal saja usaha sentiasa berjalan dengan pesat-nya dengan disertai ketabahan.

Di-Pusat Perhubungan Tanaman di-Luahan perhubungan2 tanaman tebu tersebut telah nampak kemajuan-nya dan besar kemungkinan satu ladang yang luas akan di-buka di-negeri ini untuk tanaman tebu sahaja.

Rahsia untuk menjadikan gula daripada tebu itu telah pun di-ketahui oleh Jabatan Pertanian dan sa-telah di-kaji maka timbul-lah keperchayaan bahawa negeri kita ada kemungkinan mengeluarkan gula-nya sendiri untuk kegunaan ra'ayat.

Dalam lawatan ka-Pusat tersebut, Awang Hamidoon telah memberi kursus singkat kepada Awang Ranek bin Meludin, salah sa-orang Pegawai Luar di-jabatan-nya mengenai chara2 membuat gula daripada tebu.

Dari penerangan2 yang telah di-berikan itu, Awang Ranek telah menceritakan kepada kita mengenai chara2 membuat gula yang menurut-nya ada empat perkara yang mustahak.

Perkara2 yang akan di-sebutkan di-bawah ini ada-lah senang untuk diikuti oleh orang2 kampung.

1. Mula2 tebu di-tebang dan di-kikis kulit-nya hingga berseh dan hujung-nya di-potong supaya senang memasokkan ka-dalam gilingan yang di-sediakan. Bilangan orang yang mengusahakan kerja2 ini ia-lah dua atau tiga orang dan ini ada-lah bergantung pula kepada banyak-nya tebu yang akan di-buat gula itu.
2. Tebu itu di-hempas sa-lepas saja kulit-nya di-kikis supaya menjauhkan kerusakan perkakas gilingan itu. Habis sahaja di-hempas, tebu itu di-masokkan ka-dalam gilingan yang bernama chandasan. Bilangan orang yang mengerjakan usaha ini ia-lah sa-ramai empat orang ia-itu dua orang memasokkan tebu tersebut ka-dalam chandasan dan dua orang lagi menyambut batang tebu yang di-masokkan itu di-sabelah.
3. Sedang tebu itu di-giling dengan chandasan, ayer-nya akan menchurahkan melalui saludan (churong) ka-dalam sa-buah tempayan. Ayer tebu itu kemudian di-salin ka-dalam kawah yang berseh apabila saja tempayan itu penuh berisi.
4. Kawah itu kemudian di-tanak di-atas suatu dapur lobang yang di-gali lebeh kurang 3x4 kaki dalam-nya. Dengan menggunakan batang dan belahan kayu sa-bagai alat pembakar ayer tebu itu di-jangka akan menjadi gula sa-telah di-jerang sa-lama 9 jam lebeh kurang.

Demikian-lah chara2 kasar mengenai membuat gula yang telah di-terangkan oleh Pegawai Pertanian Negara Awang Hamidoon bin Awang Damit kepada Awang Ranek.



Sa-telah di-tebang, tebu2 tersebut di-bersehhkan oleh pekerja2 di-Pusat Perhubungan Tanaman, Luahan.



Sa-belum di-masokkan ka-dalam gilingan, tebu2 itu di-pereksa akan kebersehan-nya supaya ayer tebu itu akan menjadi gula yang berseh.

kanan yang tidak kurang penting-nya bagi sa-tiap manusia.

Baharu2 ini, Pegawai Pertanian Negara, Awang Hamidoon bin Awang Damit telah mengadakan lawatan ka-beberapa buah pusat perhubungan tanaman di-Daerah Brunei dan yang agak lama di-kunjongi-nya ia-lah Pusat Perhubungan di-Luahan untuk melihat sendiri bagaimana perkembangan perusahaan tanaman tebu yang chuba di-tanam di-pusat tersebut.

bebas daripada pemerintah saperti itu bahkan kita sudah masuk ka-ruang pemerintah sendiri yang berarti segala hasil usaha dan kemajuan serta kemundoran negeri ini ada-lah bergantung di-bahu kita ra'ayat seluruh-nya.

Kerajaan Brunei ada-lah berusaha

**Utamakan-lah Bahasa Melayu
Bahasa Kebangsaan Negara**

TINJAUAN DUNIA HARI INI

PERKEMBANGAN DAN MASALAH YANG MENIMBULKAN KRISIS GREEK

KESULTAN2 yang di-hadapi oleh Raja Constantine, raja negeri Greek berparlemen telah bermula apabila Andres Papandreou, anak kapada Perdana Menteri George Papandreou di-tudoh bersubahat dengan pegawai2 tentera gulungan Sayap Kiri, dalam gerakan2 mengkhianat, dan atas soal perhubungan Menteri Pertahanan Garoufalas, membuat penyiasatan mengenai perkara itu.

Oleh **HANAFI JOFFRI**

Memandang kapada perkembangan itu, dengan segera Papandreou meluchutkan jawatan Garoufalas, dan cuba mengambil alih kuasa beliau untuk membuat penyiasatan dengan sendiri. Tetapi usaha Papandreou itu tidak dapat di-setujui oleh Raja Constantine, yang menyebabkan Papandreou mengancam akan meletakkan jawatan, sa-bagai Perdana Menteri Greek.

DESAKAN

Atas daya pengaruh pegawai2 tentera gulungan Sayap Kanan, yang mensifatkan Papandreou sa-bagai payong melindongi kaum Komunis, maka Raja Constantine menerima perletakkan jawatan Papandreou yang di-buat pada 15 haribulan Julai. Kemudian sa-buah kerajaan baharu pimpinan George Athanasiadis Novas dibentuk, akibat-nya kegentingan politik semakin meruncing di-negeri itu.

Sa-benar-nya Papandreou belum lagi mempunyai chita2 mu'tamad untuk meletakkan jawatan, sa-lain dari keazaman-nya chuba menggulingkan pemerintahan Novas, seperti yang dilakukan tidak lama dulu.

Ini dapat di-buktikan dari kedudukan di-parlemen, apabila sidang di-langsangkan, penyokong2 Parti Kesatuan Pusat pimpinan Papandreou, bergerak sa-chara terator dan membuat perhitungan dengan sa-siapa jua yang chuba menentang Papandreou dalam menegakkan sa-mula negeri Greek.

Novas yang di-tentang hebat kemudian chuba memenangi hati ra'ayat jelata, menyeru supaya bersatu padu berdiri di-belakang beliau. Dalam hal ini Novas menda'awa bahawa pimpinan Papandreou akan memecah belahkan di-kalangan ra'ayat, dan kekacauan berat akan meletus di-antara gulungan yang menyokong Raja dengan gulungan Republikan.

UNDI

Pada hari Khamis yang lalu, jam 2-00 pagi usul undi perchaya di-langsangkan, dalam mana 300 para timbalan dalam parlemen

di-panggil mengundi satu persatu. Untuk memegang jawatan Novas memerlukan 151 undi. Hasil dari undi pagi itu, Papandreou mendapat sambutan kuat, tetapi oleh di-sebabkan satu lagi usul undi tidak perchaya di-kemukakan, maka parlemen menjalankan undi sa-kali lagi pada jam 2-50 minit, pagi itu juga. Hasil-nya kemenangan kapada Papandreou dengan 131 melawan 167 undi, menyebabkan Novas mengishti-harkan kekalahan, yang bererti kerajaan patut meletakkan jawatan.

Tetapi akan hal itu, Novas telah di-minta oleh Raja Constantine supaya tetap memegang jawatan, sa-hingga kegentingan dapat diatasi. Penentangan hebat timbul, dan Papandreou yang menemui Raja Constantine telah menuntut supaya beliau di-lantek sa-mula menjadi Perdana Menteri, atau di-adakan pemilihan raya umum, yang juga tidak di-setujui oleh Raja Constantine.

RUSOHAN

Dari semenjak perselisihan itu berlaku, tidak kurang berlakunya rusohan2 di-kalangan ra'ayat yang menyokong Papandreou. Papandreou di-sifatkan sa-bagai pemimpin yang dapat mengamankan negara dan memberikan taraf yang lebih tinggi kapada penghidupan ra'ayat jelata di-Greek.

Sedang keadaan maseh belum dapat di-tentukan, Raja Constantine di-ramalkan akan membuat usaha baru, ia-itu menawarkan mandate kapada pemimpin Kesatuan Pusat yang lain, dengan harapan mencapai kejayaan, sa-telah Novas menemui jalan buntu dalam semua perhubungan hendak membantu Raja Constantine.

Di-sini dapat di-ertikan bahawa Raja Constantine yang dulu-nya berdamping rapat dengan Papandreou, tetap mempunyai sikap untuk menolak Papandreou sa-bagai pemimpin Greek.

Pegawai yang selalu di-sebut2 ia-lah Stephanopoulos, bekas Timbalan Perdana Menteri pemerintahan Papandreou, kerana ada kemungkinan beliau akan mendapat sokongan lebih dari

151 para timbalan dalam parlemen.

PERKEMBANGAN

Sementara itu, kedudukan negeri Greek pada minggu ini kelihatan sedikit berubah, kerana usaha tolak ansor Raja Constantine meluas apabila Papandreou di-ketahui melampaui peranan-nya hendak menggulingkan Novas.

Papandreou dalam mengedarkan sa-puchok surat kapada penyokong2-nya yang di-sifatkan keras kepala, telah menyeru mereka supaya bergerak lebih giat, untuk menentukan perjuangan-nya menentang Raja Constantine di-masa depan lebih berkesan. Tetapi hanya 60 daripada 142 para timbalan-nya yang tidak begitu memberikan minat utama kapada perjuangan Papandreou, dan ramalan menunjokkan sa-tengah2 para timbalan Papandreou hanya dapat bergerak hingga ka-beberapa perengkat, yang dibuat oleh Papandreou sekarang ini.

Sa-tengah2 gulungan berkata, Papandreou telah memberikan satu sumbangan besar yang melukiskan bahawa Raja dapat memainkan peranan dengan jalan pemerintahan-nya, tetapi dapat hidup tanpa Papandreou. Tetapi hingga hari ini, tidak sa-orang pun yang dapat menentukan chorak pemerintahan yang akan di-amalkan oleh Greek. Menurut kalangan tadi, penyelesaian tidak mungkin dapat di-chapai awal dalam bulan ini.

Hingga sekarang juga, apa jua usaha bagi memutuskan persengketaan dibuat oleh Raja Constantine, namun kedudukan baginda dan kuasa-nya semakin merosot, dari semenjak bertahta 16 tahun yang lalu.

ANDRES

Sekarang jelas di-ketahui, kegentingan yang berlaku di-Greek hari ini ada-lah akibat tudohan yang dikenakan ka-atas Andres tadi, ia-itu bersubahat dengan pegawai2 tentera Gulungan Sayap Kiri, menjalankan gerak pengkhianatan yang di-kenal sa-bagai ASPIDA.

Walaupun dengan hanya soal itu melibatkan Greek berubah hari ini,

namun kedudukan tidak akan menjadi seperti sediakala, sa-lagi dasar tolak ansor, yang menjadi asas penyelesaian utama, tidak di-chapai.

Andres berpolitik sangat awal. Ketika berusia 21 tahun sa-masa menuntut di-sabua universiti undang2 di-Athens, Andres telah di-perintah keluar, kerana membuat komplotan dan perhubungan-nya hendak membentok Badan Gerakan Penuntut yang menentang kerajaan.

Kemudian bertolak ka-Amerika, dimana Andres memenangi ijazah dalam pengajian ekonomi di-Harvard Universiti. Dalam perang dunia kedua Andres berkhidmat dalam Angkatan Laut Amerika, dan sa-baik2 lepas perang menjadi pelatoh di-Havard dan memegang sijil kera'ayatan Amerika.

Dalam tahun 1951, Andres berkahwin bagi kali yang kedua, dengan sa-orang wanita Amerika, hingggakan menimbulkan ketegangan dalam negeri Greek di-satu ketika, apabila isteri-nya menyeru orang2 Amerika terkemuka, supaya mengesahkan kerajaan-nya menyokong perjuangan Papandreou menentang Raja Constantine.

Dalam tahun 1952 menjadi pegawai kapada Stevenson, sa-belum menerima undangan bekas Perdana Menteri Greek, Constantine Karamanlis, untuk menubuhkan sa-buah pusat penyelidikan bagi kemajuan ekonomi Greek.

Andres telah pulang semula ka-Amerika, satelah dua tahun dalam projek tersebut, tetapi tidak berhasil untuk melupakan Greek.

LUCHUT KERA'AYATAN

Akhir-nya, dalam tahun 1963 Andres meluchutkan kera'ayatan-nya dan pulang ka-Greek. Tidak berapa lama kemudian-nya, sa-lepas melancarkan kempen menyokong ayah-nya dalam pilihan raya di-daerah Patras, Andres memenangi kerusi dalam parlemen.

Dari mula-nya, kechendrongan Andres dalam politik telah nyata hingggakan Andres yang telah lama menghabiskan masa di-Amerika, berhasil menduduki kerusi parlemen, yang hari ini menghadapi berbagai masalah, yang di-katakan di-chetuskan sendiri oleh-nya, sa-telah Papandreou mengambil tindakan.

Menurut ramalan, Andres chuba mengubah Greek sa-bagai sa-buah negara perusahaan yang modern, dan melaksanakan usaha-nya sa-chara membahayakan, melalui chara2 yang paling sengkat untuk mencapai chita2 itu.

Bagaimana pun, segala perkembangan yang di-hadapi oleh Greek kurang dari dua bulan itu, mungkin dapat di-telek, walaupun butir2 kurang lanjut mengenai sebab bermula-nya persengketaan, yang di-harapkan dapat di-selesaikan segera untuk keselamatan dan keamanan Greek.

PERKHEMAHAN PENGAKAP THAILAND

BANDAR BRUNEI. — Seramai 40 orang Guru2 Pengakap dan Pengakap2 dari Negeri Brunei telah pun mendaftarkan nama untuk menghadiri Perkhemahan Pengakap Thailand.

Perkhemahan Pengakap itu akan di-adakan di-Bangkok, ibu Kota Thailand sa-lama satu minggu mulai pada 9 Disember, 1965.

Perkara tersebut telah di-ben-

tangkan dalam Mashuarat Jawatan Kuasa Persatuan Pengakap Daerah Brunei di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada petang hari Khamis 12 Ogos, 1965.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG: DI-PEJABAT UGAMA DAERAH BELAIT

Pemohon2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau mereka yang berhak menjadi ra'ayat Sultan yang tinggal di-dalam kawasan Daerah Belait untuk memenuhi tiga jawatan kosong seperti di-bawah ini:

(a) BILAL. (Satu jawatan kosong di-Masjid Pekan Seria).

Sharat2 pemohon jawatan ini seperti berikut: —

- (i) Umor antara 25 hingga 40 tahun.
- (ii) Tinggal di-Daerah Belait di-utamakan pemohon dari kawasan Seria.
- (iii) Mempunyai pengetahuan Ugama yang sesuai dengan jawatan Bilal.
- (iv) Di-kehendaki memasoki peperiksaan untuk di-ujikan pengetahuan Ugama.

Gaji—Dalam tangga gaji Bilal U.2 - \$180x10 - 380 sa-bulan.

Gaji permulaan akan di-timbangkan mengikut kelayakan.

(b) KHATIB. (Satu jawatan kosong di-Masjid Pekan Seria).

Sharat2 pemohon jawatan ini seperti berikut: —

- (i) Umor antara 25 hingga 45 tahun.
- (ii) Tinggal di-Daerah Belait di-utamakan pemohon2 dari kawasan Seria.
- (iii) Mempunyai pengetahuan Ugama yang sesuai dengan jawatan Khatib.
- (iv) Di-kehendaki memasoki peperiksaan untuk di-ujikan pengetahuan Ugama.

Penyelenggara Setor

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak menjadi ra'ayat Sultan untuk memenuhi satu jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat III di-dalam Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei.

Kelayakan2:

1. Berumur 18 tahun hingga 40 tahun.
2. Lulus darjah IV Sekolah Melayu.
3. Mengetahui serba sedikit pengetahuan Ugama Islam.
4. Mempunyai pengalaman dalam pekerjaan setor.

Gaji—Dalam sukatan gajiE. 1 - 2 - 3 — \$183x7 - 211 - 220x10 - 260 - 280 - 290 - 300.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari-pada 20 Ogos, 1965.

Ugama.

Gaji — Dalam tangga gaji Khatib U.3 \$200x10 - 400 sa-bulan.

Gaji permulaan akan di-timbangkan mengikut kelayakan.

(c) IMAM. (Satu jawatan kosong di-Masjid Kuala Belait, Belait).

Sharat2 Pemohon jawatan ini seperti berikut: —

- (i) Umor di-antara 25 hingga 45 tahun.
- (ii) Tinggal di-Daerah Belait di-utamakan pemohon2 dari kawasan Kuala Belait.
- (iii) Mempunyai pengetahuan Ugama yang sesuai dengan jawatan Imam.
- (iv) Di-kehendaki memasoki peperiksaan bagi menguji pengetahuan Ugama.

Gaji—Dalam tangga gaji Imam U.4 - \$240x10 - 480 sa-bulan.

Gaji permulaan akan di-timbangkan mengikut kelayakan.

Surat2 Permohonan mesti-lah di-tujukan kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei dengan melalui Kadzi Daerah Belait.

Borang2 permohonan boleh-lah di-dapati di-Pejabat Kadzi Daerah Belait.

Surat permohonan mesti-lah di-kembalikan kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 31 Ogos, 1965.

Sharahan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI—Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 20 Ogos, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam: —

- (a) Mulai pada pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12 tengah hari di-Masjid Setia Ali, Muara.
- (b) Mulai pada pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12-30 tengah hari di-Masjid Sungei Ubar, Belait.

Tawaran:

Pembinaan Bangunan Dewan Bahasa Dan Radio Brunei

Tawaran2 akan di-terima oleh Pengerusi, lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Pejabat Kerajaan, Bandar Brunei, hingga pukul 3 petang pada hari Ithnin 30 Ogos, 1965, bagi: —

PEMBINAAN BANGUNAN DEWAN BAHASA/RADIO BRUNEI.

Tawaran yang di-terima selepas waktu yang di-tetapkan ini tidak di-pertimbangkan. Jumlah banyak dan butir2 lain boleh di-perolehi dari pejabat James Cubitt, Leonard Manasseh dan Pakatan. Akitek Berkanun, Tingkat Kedua, 148, Jalan Chevalier, Bandar Brunei, di-waktu pejabat. Lukisan2 boleh juga di-pereka di-Pejabat itu.

Tawaran2 mesti-lah di-isi di-dalam sampul surat biasa yang belum bertulis dan mermeterai dan tidak akan di-benarkan mengandungi tanda2 yang akan mengenalkan penawar di-atas-nya.

Di-luar sampul surat itu mesti-lah beralamat kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Tingkat Bawah, Pejabat Kerajaan, Bandar Brunei.

Pekerjaan yang di-tawarkan mesti-lah di-nyatakan dengan terang di-atas sampul surat seperti berikut: —

PEMBINAAN BANGUNAN DEWAN BAHASA/RADIO BRUNEI.

Tawaran2 yang di-terima di-

dalam sampul surat yang tidak betul alamat-nya akan tidak di-pertimbangkan.

Chengkeram untuk tawaran itu ia-lah sebanyak \$500/- (ringgit lima ratus sahaja).

Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang yang berchetak yang boleh di-perolehi dari Akitek di-masa membayar chengkeram tersebut di-atas.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atas sa-barang tawaran.

Perkhemahan Pengakap Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Perkhemahan Pengakap Daerah Brunei akan di-adakan di-pantai perangan Muara selama tiga hari mulai pada hari Juma'at 17 Disember hingga ka-hari Ahad 19 Disember, 1965.

Demikian telah di-luluskan dalam Mashuarat Jawatan Kuasa Persatuan Pengakap Daerah Brunei di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada petang hari Khamis 12 Ogos, 1965.

Pengerusi persatuan tersebut, Awang N. Bradbury, telah memimpin mashuarat tersebut dan ramai Ahli2 Jawatan Kuasa persatuan itu telah hadir.

Minggu Bekerja Pengakap Berhasil

BANDAR BRUNEI. — Wang sa-banyak \$2,553.45 telah di-perolehi semasa di-adakan Minggu Bekerja Pengakap Sa-Negeri Brunei dalam bulan Mei dan Jun tahun ini.

Pendapatan tersebut menjukkan \$872.45 lebih banyak lagi dari pendapatan semasa di-adakan temasha Minggu Bekerja Pengakap dalam tahun 1964. Pada tahun lalu wang sa-banyak \$1,680.85 telah di-perolehi.

Jumlah wang yang di-perolehi di-Daerah Brunei ia-lah sa-banyak \$1,188.85 dan di-Daerah Belait sa-banyak \$1,364.60 telah di-dapati.

Pegawai2 Pengakap dan Pengakap2 di-negeri ini mengucapkan berbanyak2 terima kasih kepada orang ramai yang telah bekerjasama dan menderma wang ringgit mereka untuk menjayakan temasha Minggu Bekerja Pengakap bukan sahaja pada tahun ini, bahkan pada tahun2 yang lain juga.

Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit


Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah² Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 18 Ogos hingga ka-hari Selasa 24 Ogos, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
18	12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-58	6-16	
19	12-28	3-46	6-36	7-47	4-42	4-57	6-15	
20	12-28	3-46	6-36	7-47	4-42	4-57	6-15	
21	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15	
22	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15	
23	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15	
24	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap² waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-30 tengah hari.

GAMBAR2 KEBERANGKATAN PENGANTIN DI-RAJA KA-TUTONG DAN TEMBURONG



✱

✱

✱



✱

✱

✱

✱

✱



Gambar atas: Kiri — Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota menumbok amping di-majlis sambutan keberangkatan Pengantin Di-Raja ka-Temburong pada 14 Ogos.


Kanan — Satu pemandangan semasa ketibaan Pengantin Di-Raja ka-Pekan Bangar, Temburong pada pagi 14 Ogos, 1965.

✱

Gambar tengah: Kanan — Y.A.M. Duli Pengiran Isteri menumbok amping di-majlis sambutan keberangkatan Pengantin Di-Raja ka-Temburong pada 14 Ogos.

Kiri — Y.A.M. Duli Pengiran Isteri menerima kalongan bunga semasa keberangkatan ka-Tutong pada 11 Ogos.

✱



Gambar bawah: Awang Haji Ghazali bin Umar menyampaikan sa-buah chenderamata bagi pihak penduduk2 Daerah Tutong kepada Duli Pengiran Muda Mahkota semasa keberangkatan Pengantin Di-Raja ka-Tutong pada 11 Ogos.

Keberangkatan Pengantin Di-Raja Ka-Kuala Belait



Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri kelihatan memberi ucapan di-majlis sambutan keberangkatan Pengantin Di-Raja anjuran Perumpulan Kebajikan Perempuan Daerah Belait di-Kuala Belait Recreation Club pada 10 Ogos.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha telah berchemar Duli ka-Kuala Belait pada hari Selasa 10 Ogos, 1965. Dalam gambar ini kelihatan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota memeriksa Barisan Kehormatan Polis Brunei semasa ketibaan di-Padang Kuala Belait pada pagi hari tersebut.

Pehin Orang Kaya Di-Gadong Mera'ikan Pengantin Di-Raja

KAMPONG SUMBILLING. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha telah di-ra'ikan di-majlis santapan yang meriah oleh Yang Berhormat lagi di-Mulikan Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof.

Majlis tersebut telah di-adakan di-tempat kediaman Yang Berhormat Lagi di-Mulikan Pehin Orang Kaya Di-Gadong di-Kampung Sumbiling pada malam Isnin yang lalu.

Ramai para jemputan antaranya Pegawai2 Kanan Kerajaan dan pembesar2 negara telah hadir di-majlis tersebut.

Sa-lepas santapan, kedua2 Pengantin Di-Raja tersebut telah berchemar Duli ka-satu temasha hiburan di-tingkat atas bangunan yang tinggi itu.

Balek Dari England

BERAKAS. — Awang Yunus Husain, sa-orang Pegawai Pentadbir Brunei telah balek ka-Brunei dari England dengan kapal terbang pada petang hari Isnin 16 Ogos sa-lepas tamat menghadiri Kursus Pentadbiran di-England selama 11 bulan.

Sa-belum berangkat ka-England dalam bulan September tahun lalu, Awang Yunus telah berkhidmat sa-bagai Penolong Pegawai Daerah Tutong.

Ranchangan Kerajaan Memberi Pertolongan Kapada Bekas Orang2 Tahanan

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah mengadakan satu ranchangan yang akan membolehkan bekas orang2 tahanan supaya dapat memulihkan kehidupan mereka seperti sedia kala sa-chara lengkap sa-lepas di-bebaskan.

Di-bawah ranchangan itu, bekas orang2 tahanan yang mendapati diri mereka sukar untuk memulihkan kehidupan mereka seperti sedia kala, boleh-lah berhubung dengan sa-orang pakar, untuk mendapatkan nasihat atau bantuan mengenai sa-barang masalah penting.

Sa-buah pengumuman Kerajaan, yang di-terbitkan kelmarin berkata bahawa untuk menentukan bekas orang2 tahanan itu di-pulehkan kehidupan mereka seperti sedia kala sa-chara lengkap dan berjaya sa-lepas di-bebaskan, maka di-masa hadapan, mereka akan di-letakkan di-bawah jagaan sa-orang pegawai pemulahan semula, Tuan L. J. Brown.

Tuan Brown yang baru tiba di-Brunei, dulu-nya berkhidmat di-Kenya dan Zanzibar sa-bagai Pesuruhjaya Penjara dan mempunyai pengalaman yang berguna tentang pekerjaan pemulahan semula.

Di-bawah ranchangan tersebut, Pegawai Pemulahan Semula akan bertanggung jawab bagi pemulahan semula ka-atas kira2 1,700 orang yang telah di-tahan sa-lepas penderhakaan dalam bulan Disember tahun 1962.

Daripada jumlah tersebut, 1,500 orang telah di-bebaskan sa-lepas menjalani satu kursus pemulahan semula.

Beliau akan melawat bekas2 orang2 tahanan di-kampung2 mereka untuk memberikan nasihat dan menawarkan bantuan sa-chara praktik.

Pengumuman itu berkata, sa-orang bekas tahanan yang memerlukan nasihat dan bantuan, boleh juga berhubung dengan Tuan Brown menerusi surat atau datang sendiri ka-Pusat Pemulahan Bunut.

Perkahwinan Di-Raja

(Dari muka 1)

Pengiran Muda Mahkota.

Menurut ranchangan istiadat perkahwinan di-raja itu bahawa istiadat membuka gendang jaga2 akan di-mulakan pada 7 September, 1965 di-Balai Pemajangan Indera Kenchana Istana Darul Hana dan istiadat berjaga2 itu akan berjalan sa-hingga 26 September, 1965.

Kursus Pegawai2 dan Guru2 Ugama

BANDAR BRUNEI. — Kursus ka-empat Pegawai2 dan Guru2 Ugama sa-Negeri Brunei bagi tahun ini akan di-langsungkan di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Kursus tersebut akan di-mulakan pada 29 Ogos, 1965 dan akan di-hadiri oleh semua pegawai2 dan guru2 ugama seluruh negeri ini.

Menurut jadual, kursus itu akan berjalan sa-lama sa-minggu dan adalah di-jangka bahawa pembukaan rasmi kursus itu akan di-lakukan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanul Bolkiah pada hari pertama kursus itu.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Tutong

TUTONG. — Pengerusi Majlis Mashuarat Daerah Tutong, Awang Johari bin Abdul Razak, memberi tahu Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Tutong di-Dewan Mashuarat Daerah Tutong baru2 ini bahawa permohonan majlis itu kepada Kerajaan untuk mengadakan dan membubuhkan hot mix (pit) ka-atas Jalan Raya Kampong Penanjong Tutong telah di-pertimbangkan dan di-benarkan oleh Kerajaan.

Pembina'an-nya akan di-jalan-kan dengan seberapa segera.

Majlis itu juga membuat satu pindaan kepada satu usul oleh Yang Mulia Awang Abu bin Salam yang berbunyi:

"Bahawa Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang bersidang pada hari ini mengambil keputusan, memohonkan kepada Kerajaan supaya mengadakan Kolam Ayer di-Sungai Sinaut, jauh-nya kira2 1½ batu dari Jalan Tutong, kerana menambahkan Kolam Ayer yang ada di-Daerah Tutong.

Oleh sebab usul ini tidak cukup penerangan, maka Awang Haji Ghazali bin Omar, sa-orang daripada ahli majlis, membuat satu usul yang berbunyi:

"Bahawa majlis yang bersidang hari ini menasihatkan Kerajaan supaya menyambungkan paip2 ayer yang sedang di-buat pada masa ini di-Kampung Keriam untuk di-sambungkan ka-Kampung Sinaut".

Usul ini telah di-persetujui dengan sa-bulat suara oleh majlis.